

# SERANTA AWAM ATAS TALIAN BIL. 5/2019

## DRAF PINDAAN PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN (PPJM) 2013

1. Pindaan subperaturan 3(2) berkaitan perkara-perkara yang perlu disertakan bersama permohonan pendaftaran

### Peraturan 3 Permohonan bagi pendaftaran

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan hendaklah disertakan dengan –

- a) keterangan kelayakan yang diperuntukkan dalam subseksyen 18(1) Akta;
- b) satu salinan kad pengenalan atau salinan pasport
- c) dua salinan gambar ukuran pasport yang terkini;
- d) keterangan sokongan bidang analisis;
- e) caj pentadbiran sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual; dan  
apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis.

2. Pindaan ke atas Borang A :

- i. Pembatalan perkara 7 berkaitan pembayaran fi
- ii. Pembatalan Slip Jawapan
- iii. Pindaan kepada Perakuan Pengenalan dengan memasukkan no. pasport, cop rasmi dan Ahli Kimia Berdaftar di ruangan tandatangan
- iv. Pindaan Catatan dengan membatalkan alamat penghantaran borang dan digantikan dengan maklumat fi dan makluman penerimaan permohonan melalui emel

BORANG A  
[Subperaturan 3(1)]  
AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013  
PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN

1. Nama penuh pemohon: .....
2. No. kad pengenalan/pasport: .....
3. Taraf kerakyatan: .....
4. Tarikh lahir: .....
5. (a) Alamat kediaman: .....
- (b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan): .....
- (c) E-mel: .....
- (d) No. telefon: ..... Telefon bimbit: ..... Faks: .....
6. Butir-butir kelayakan:
  - (a) Keterangan kelayakan (sepenuhnya): .....
  - (a) Institusi yang memberikan kelayakan: .....
  - (b) Tarikh kelayakan: .....

7. Bidang analisis makanan: .....

8. Saya lampirkan dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi keperluan tentang pengalaman di bawah subseksyen 18 (1) dan 18 (2) Akta Juruanalisis Makanan 2011:  
(a) Perakuan di bawah seksyen 18 Akta Juruanalisis Makanan 2011;  
(b) Gambar ukuran pasport yang terkini (dua salinan); dan  
(c) Keterangan sokongan bidang analisis

PENGISYTIHARAN

Saya (nama penuh) .....

sebagai pemohon di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan yang diperakui sah.

Saya tidak pada bila-bila masa didapati melakukan kesalahan yang melibatkan fraud, keadajujuran atau keburukan akhlak atau kesalahan yang boleh dihukum penjara (jajaa ada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh dua tahun atau lebih.

Tarikh: ..... Tandatangan Pemohon: .....

PERAKUAN PENGENALAN

Saya (nama penuh) ..... oo kad pengenalan/pasport  
.....  
yang beralamat ..... (alamat penuh)  
seorang (kerjaya) ..... dengan ini mengesahkan bahawa  
(nama pemohon) .....  
yang permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan dikemukakan di atas  
dikenali oleh saya secara peribadi dan sebenarnya merupakan orang yang namanya  
tertera dalam permohonan ini.

Tarikh: ..... (Tandatangan)  
Cop Rasmi: .....  
Juruanalisis Makanan Berdaftar/  
Ahli Kimia Berdaftar / Pegawai dalam  
Kumpulan Pengurusan dan Profesional  
Perkhidmatan Awam

CATATAN:

1. Fi yang perlu dibayar ialah RM250.00 dan hendaklah dibuat selepas permohonan pendaftaran diluluskan.
2. Maklumat penerimaan permohonan akan dibuat kepada pemohon melalui emel

3. Pembatalan subperaturan 3(3) berkaitan pendaftaran pertubuhan perbadanan

Peraturan 3 Permohonan bagi pendaftaran

Subperaturan ini dibatalkan

~~(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.~~

4. Pindaan subperaturan 4(2) berkaitan pengeluaran perakuan pendaftaran oleh Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia

Peraturan 4 Pendaftaran

(2) Apabila seseorang didaftarkan di bawah Akta ini dan fi pendaftaran dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Majlis hendaklah mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang C.

5. Pindaan subperaturan 6(2) berkaitan perkara-perkara yang perlu disertakan bersama permohonan perakuan amalan tahunan

Peraturan 6 Permohonan bagi perakuan amalan tahunan

(2) Tiap-tiap permohonan bagi suatu perakuan amalan tahunan hendaklah disertakan dengan –

- (a) fi dan caj pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) fi salinan perakuan amalan tahunan sekiranya mempunyai lebih dari satu tempat amalan;
- (c) suatu salinan perakuan pendaftaran; dan
- (d) apa-apa dokumen dan maklumat lain sebagaimana yang Majlis kehendaki

6. Pembatalan subperaturan 6(3) berkaitan perakuan amalan tahunan pertubuhan perbadanan

Peraturan 6 Permohonan bagi perakuan amalan tahunan

Subperaturan ini dibatalkan

~~(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.~~

7. Tambahannya subperaturan 6(6) berkaitan pernyataan bidang analisis makanan dalam perakuan amalan tahunan

Peraturan 6 Permohonan bagi perakuan amalan tahunan

(6) Pendaftar hendaklah menyatakan bidang analisis makanan yang diamalkan oleh juruanalisis makanan berdaftar dalam perakuan amalan tahunan itu.

8. Pindaan subperaturan 7(3) berkaitan syarat-syarat kelulusan pembaharuan perakuan amalan tahunan

Peraturan 7 Pembaharuan perakuan amalan tahunan

(3) Pendaftar, semasa meluluskan pembaharuan perakuan amalan tahunan-

a) hendaklah memastikan juruanalisis makanan berdaftar memperolehi jumlah mata kredit yang ditetapkan bagi Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) seperti yang ditentukan oleh Majlis

b) hendaklah memastikan juruanalisis makanan berdaftar memenuhi apa-apa kelayakan lain seperti yang ditentukan oleh Majlis

c) hendaklah memastikan semua kehendak lain yang ditetapkan oleh Majlis telah dipatuhi oleh juruanalisis makanan berdaftar; dan

d) boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu.

9. Pindaan subperaturan 9(1) berkaitan pameran perakuan amalan tahunan di tempat amalan juruanalisis makanan berdaftar

Peraturan 9 Pameran perakuan amalan tahunan, dsb.

(1) Pemegang perakuan amalan tahunan hendaklah menyebabkan perakuan amalan tahunan dipamerkan di suatu bahagian yang mudah dilihat di tempat amalan utama dan di setiap tempat amalan yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu.

10. Pindaan terhadap Borang D – Permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan yang melibatkan perkara berikut :

- i. Tambahannya maklumat no. kad pengenalan/ no. Pasport
- ii. Pembatalannya maklumat alamat penghantaran permohonan

BORANG D  
[Subperaturan 6(1)]  
AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013  
PERMOHONAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Daftar Juruanalisis Makanan):  
.....

2. No. Kad Pengenalan/Passport: .....

3. (a) Alamat kediaman: .....

(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan): .....

(c) E-mel: .....

(d) No. telefon: ....., Telefon bimbit: ....., Faks: .....

4. (a) Alamat utama menjalankan amalan: .....

(b) Alamat lain menjalankan amalan: .....

(Silakan lampirkan berasingan salinannya lebih dari satu tempat lain menjalankan amalan)

5. (a) No. Perakuan Pendaftaran: .....

(b) Tarikh pendaftaran: .....

6. Butir-butir • Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:

(a) No. ....

(b) Jumlah .....

(c) Pejabat Pos/Bank & Tarikh: .....

Tarikh .....

Tandatangan Pemohon

CATAN:

Ei yang perlu dibayar ialah RM100.00.

---

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

No. Perakuan Amalan Tahunan ..... dikeluarkan pada .....

Fi sebanyak RM100.00 telah dibayar melalui no. resit ..... bertarikh .....

### 11. Pindaan terhadap Borang E –Perakuan Amalan Tahunan melibatkan pembatalan maklumat alamat juruanalisis makanan berdaftar



No. Siri: .....

**BORANG E**  
[Subperaturan 6(4)]

**AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011**  
**PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013**

PERAKUAN AMALAN TAHUNAN  
TAHUN .....

No. Perakuan: .....

DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA ..... No. kad pengenalan ..... sebagai seorang juruanalisis makanan berdaftar, dengan ini diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruanalisis makanan (tertakluk kepada sekatan atau syarat, jika ada, yang dinyatakan di dalam perakuan pendaftaran) bagi tempoh bermula ..... dan berakhir pada ..... di—

(a) .....

.....

.....

sebagai tempat utama menjalankan amalan; dan di—

(b) .....

.....

.....

sebagai tempat lain menjalankan amalan.

Bidang analisis makanan: .....

Tarikh: .....

Pendaftar

12. Pindaan terhadap Borang F dan G –Permohonan bagi Pembaharuan Perakuan Amalan Tahunan melibatkan pembatalan maklumat alamat penghantaran permohonan

BORANG F  
[Subperaturan 7(1)]  
AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013  
PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Daftar Juruanalisis Makanan)  
.....

2. (a) Alamat kediaman:.....  
.....  
(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan):.....  
.....  
(c) E-mel: .....  
(d) No. telefon:.....~~.....~~ Telefon bimbit: ..... Faks: .....

3. (a) Alamat utama menjalankan amalan:.....  
.....  
(b) Alamat lain menjalankan amalan: .....  
.....

4. (a) No. Perakuan Pendaftaran:.....  
(b) Tarikh pendaftaran: .....

5. No. Perakuan Amalan Tahunan lepas:.....

6. Butir-butir \* Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:  
(a) No:.....  
(b) Jumlah: .....

(c) Pejabat Pos/Bank & Tarikh:.....

Tarikh .....  
Tandatangan Pemohon .....

NOTA:  
Bayaran yang perlu dibayar ialah RM100.00.  
.....  
Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

No. Perakuan Amalan Tahunan: ..... dikeluarkan pada .....

Bayaran sebanyak RM100.00 telah dibayar melalui no. resit, ..... bertarikh .....

13. Tambahan subperaturan baru iaitu subperaturan 4(5) bagi permohonan tambahan bidang analisis makanan

Peraturan 4. Pendaftaran

(5) Seseorang juruanalisis makanan berdaftar yang berniat untuk menambah bidang analisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Majlis sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang H dan disertakan dengan-

- a) Fi dan caj pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- b) Salinan perakuan pendaftaran; dan
- c) Apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Majlis kehendaki

Apabila suatu permohonan penambahan bidang analisis makanan diluluskan dan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual telah dibayar, Majlis hendaklah mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan tambahan bidang analisis makanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang I.

BORANG H

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERMOHONAN TAMBAHAN BIDANG ANALISIS MAKANAN

1. Nama penuh pemohon : .....
2. No. kad pengenalan/ pasport : .....
3. No. Perakuan pendaftaran : .....
4. Bidang analisis makanan diluluskan (sedia ada) : .....
5. Tambahan bidang analisis makanan yang dipohon : .....
6. Saya lampirkan dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi keperluan tentang pengalaman di bawah subseksyen 18 (1)(b) Akta Juruanalisis Makanan 2011:
  - (a) Senarai Semak Permohonan Tambah Bidang Analisis (MJMM/02-005)
  - (b) Surat keterangan sokongan bidang analisis; dan
  - (c) Borang Maklumat Terperinci Juruanalisis Makanan.
  - (d) Salinan perakuan pendaftaran

PENGISYTIHARAN

Saya (nama penuh) .....no. kad pengenalan/pasport.....  
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang  
dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan dokumen yang dilampirkan adalah  
salinan yang diperakui sah.

Tarikh .....

Tandatangan Pemohon

PENGESAHAN OLEH MAJLIKAN

Saya (nama penuh) .....no. kad pengenalan/pasport  
..... dan bertugas sebagai .....  
di (tempat bertugas) .....  
.....  
dengan ini mengesahkan bahawa (nama pemohon) .....  
adalah bertugas di (tempat bertugas) .....  
dan mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan oleh beliau adalah benar dan dokumen  
yang dilampirkan adalah salinan yang diperakui sah.

Tarikh .....

.....

Tandatangan

Cop rasmi:

No. Siri : .....



BORANG I  
[Subperaturan 4(5)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERAKUAN TAMBAHAN BIDANG ANALISIS MAKANAN  
BAGI JURUANALISIS MAKANAN BERDAFTAR

DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA .....  
(No. Perakuan Pendaftaran: .....) pada hari ini diluluskan tambahan  
bidang analisis makanan tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditetapkan oleh  
Majlis.

Tambahan bidang analisis makanan: .....

Tarikh: .....

.....  
Pengerusi  
MAJLIS JURUANALISIS MAKANAN MALAYSIA

Catatan :  
Perakuan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perakuan Pendaftaran bertarikh  
..... (No. Siri : .....) .....

14. Tambahan subperaturan baru iaitu subperaturan 6(7) bagi permohonan tambahan bidang analisis makanan bagi perakuan amalan tahunan

Peraturan 6. Permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan

(7) Seseorang juruanalisis makanan berdaftar yang berniat untuk menjalankan amalan bagi tambahan bidang analisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang J dan disertakan dengan-

- a) fi sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual;
- b) salinan perakuan pendaftaran;
- c) salinan perakuan tambahan bidang analisis makanan;
- d) salinan perakuan amalan tahunan; dan
- e) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Majlis kehendaki

Apabila suatu permohonan itu diluluskan dan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual telah dibayar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan tambahan bidang analisis makanan bagi perakuan amalan tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang K.

BORANG J

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

BORANG TAMBAHAN BIDANG ANALISIS MAKANAN BAGI  
PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

No. Siri : .....



BORANG K  
[Subperaturan 6(4)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERAKUAN AMALAN TAHUNAN  
TAHUN .....

1. Nama penuh : .....
2. No. Perakuan pendaftaran : .....
3. No. Perakuan Amalan Tahunan sedia ada : .....
4. Bidang analisis makanan diluluskan (terkini) : .....

No. Perakuan : .....

DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA ..... No. kad pengenalan/ No. passport ..... sebagai seorang juruanalisis makanan berdaftar, dengan ini diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruanalisis makanan (tertakluk kepada sekatan atau syarat, jika ada, yang dinyatakan di dalam perakuan pendaftaran) bagi tempoh bermula ..... dan berakhir pada ..... di—

(a) .....  
sebagai tempat utama menjalankan amalan, dan di—

(b) .....  
sebagai tempat lain menjalankan amalan.

Bidang analisis makanan : .....

.....  
Tandatangan pemohon

.....  
Tarikh

Tarikh : .....  
Pendaftar

CATATAN :

Borang ini hendaklah disertakan bersama dokumen berikut :

- i. Senarai Semak Permohonan Tambah Bidang Analisis Dan Pertukaran/ Penambahan Tempat Amalan Bagi Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-007)
- ii. Salinan Perakuan Tambahan Bidang Analisis Makanan bagi Juruanalisis Makanan Berdaftar
- iii. Salinan Perakuan Amalan Tahunan

Catatan :  
Perakuan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perakuan Amalan Tahunan bertarikh ..... (No. Siri : EA.....)

15. Tambahan subperaturan baru iaitu subperaturan 6(8) bagi permohonan pertukaran/ penambahan tempat amalan bagi perakuan amalan tahunan

Peraturan 6. Permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan

- (8) Seseorang pemegang perakuan amalan tahunan yang terlibat dengan perubahan atau penambahan tempat menjalankan amalan hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang L dan disertakan dengan-
- Fi sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual;
  - Salinan perakuan amalan tahunan; dan
  - Apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Pendaftar kehendaki

Apabila suatu permohonan perubahan dan penambahan tempat menjalankan amalan diluluskan dan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual telah dibayar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan amalan tahunan yang baru dengan no. siri yang baru.

BORANG L

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011  
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERMOHONAN \*PERTUKARAN/PENAMBAHAN TEMPAT MENJALANKAN AMALAN  
JURUANALISIS MAKANAN

\* Sila potong yang tidak berkenaan

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Perakuan Pendaftaran):

.....

2. (a) No. Perakuan Pendaftaran: .....

3. (a) Alamat utama menjalankan amalan: .....

.....

- (b) Alamat lain menjalankan amalan: .....

.....

PENGISYTIHARAN

Saya (nama penuh).....  
nama pemohon di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Pemohon

Pengesahan Oleh Majikan Baru

(Hendaklah diisi oleh majikan tempat utama menjalankan amalan)

Maklumat di atas adalah disahkan benar.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

Nama : .....

Cop Rasmi : .....

CATATAN:

Permohonan ini hendaklah disertakan dengan Senarai Semak Permohonan Tambah Bidang Analisis Dan Pertukaran/ Penambahan Tempat Amalan Bagi Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-007)



16. Pindaan subperaturan 12(2) berkaitan bilangan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang boleh dilantik

Peraturan 12 Jawatankuasa Tatatertib

(12) (2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang anggota dan salah seorang daripada mereka hendaklah dilantik oleh Majlis sebagai Pengerusi

17. Tambahan Bahagian IV dan Peraturan berkaitan pengecualian pendaftaran juruanalisis makanan

Bahagian IV

Pengecualian Pendaftaran Juruanalisis Makanan

21. (1) Mana-mana juruanalisis makanan yang berniat untuk dikecualikan daripada mendaftar sebagai juruanalisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Majlis dalam Borang N dan disertakan dengan-

- i. Fi dan caj pentadbiran sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual;
- ii. salinan perakuan kelayakan akademik di bawah seksyen 18 Akta;
- iii. keterangan tugas yang diperakui oleh majikan
- iv. satu salinan kad pengenalan/pasport
- v. dua salinan gambar ukuran pasport yang terkini
- vi. apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Majlis kehendaki

(2) Apabila suatu permohonan pengecualian pendaftaran juruanalisis makanan diluluskan dan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual telah dibayar, Setiausaha Majlis hendaklah memberitahu pemohon tentang keputusan permohonan yang telah dibuat oleh pemohon itu.

18. Pindaan terhadap jadual fi melibatkan fi yang sedia ada dan tambahan fi baru serta caj pentadbiran.

| <b>JADUAL FI</b>                | <b>PERKARA</b>   | <b>FI (RM)</b> |
|---------------------------------|--|----------------|
| <b>Pindaan Sedia ada</b>        | Pendaftaran  | <b>250.00</b>  |
|                                 | Permohonan bagi salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran    | <b>50.00</b>   |
|                                 | Permohonan bagi perakuan amalan tahunan                            | <b>100.00</b>  |
|                                 | Permohonan bagi pembaharuan perakuan amalan tahunan                | <b>100.00</b>  |
|                                 | Caj kelewatan bagi pembaharuan perakuan amalan tahunan             | <b>50.00</b>   |
|                                 | Permohonan bagi salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan | <b>50.00</b>   |
| <b>Cadangan baru (tambahan)</b> | Permohonan Tambahan bidang analisis bagi Perakuan Pendaftaran      | <b>150.00</b>  |
|                                 | Permohonan Tambahan bidang analisis bagi Perakuan Amalan Tahunan   | <b>100.00</b>  |
|                                 | Permohonan Pertukaran/penambahan tempat amalan                     | <b>100.00</b>  |
|                                 | Salinan Perakuan Amalan Tahunan bagi tempat amalan berlainan       | <b>50.00</b>   |
|                                 | Permohonan Pengecualian pendaftaran                                | <b>500.00</b>  |
|                                 | Caj Pentadbiran- Permohonan pendaftaran                            | <b>100.00</b>  |
|                                 | Caj Pentadbiran – Permohonan perakuan amalan tahunan               | <b>50.00</b>   |
|                                 | Caj Pentadbiran – Permohonan tambahan bidang analisis makanan      | <b>50.00</b>   |
|                                 | Caj Pentadbiran – Permohonan pengecualian pendaftaran              | <b>200.00</b>  |